

IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



**LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan:
Duta Sosial & Kebajikan**
PTAR Shah Alam - muka 6



**Perbincangan Kolaborasi Antara
PTAR & Unit Perkhidmatan OKU**
PTAR Shah Alam - muka 10



**Library Outreach Bersama Majlis
Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022**
PTAR Alor Gajah - muka 15



**LIVE@PTDI Sembang Santai:
Dari Segamat ke England**
PTAR Segamat - muka 22



**LIVE@PTAR Better Marks Secrets
Online Databases**
PTAR Kedah - muka 33

PROMOSI@PTAR






Disediakan oleh: Nor Azelea Mohd Azahar



Program Kapsul Misteri ini merupakan salah satu program galakkan membaca yang telah bermula pada 9 Januari lagi. Program ini akan diadakan sepanjang tahun 2022. Program Kapsul Misteri ini diadakan bagi menggalakkan warga UiTM Kampus Pasir Gudang untuk memupuk sikap suka membaca dan menarik minat warga kampus untuk mencari ilmu sepanjang hayat.

Setiap warga kampus boleh menyertai program ini dengan hanya perlu meminjam buku untuk membolehkan mereka ini memilih kapsul di dalam kotak yang disediakan. Dalam kapsul tersebut diletakkan hadiah yang boleh dimenangi. Hadiah-hadiah tersebut bergantung kepada kapsul yang diambil. Antara hadiah yang boleh dimenangi adalah seperti pen, pensel, buku nota dan lanyard manakala hadiah utama adalah seperti tudung bawal, hadiah misteri dan Tupperware. Hadiah-hadiah ini akan berubah dari semasa ke semasa.

